

**UCAPAN DASAR KETUA BAHAGIAN N5 TANDEK
SEMPENA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE- 25
WALAI BANDA, JALAN BUNSDAN, KOTA MARUDU
20HB MEI 2010**

Pengenalan

1. Pertama-tama saya mengucapkan selamat datang dan selamat menyambut ulang tahun PBS yang ke -25. Kehadiran para perwakilan ke Mesyuarat Agung Tahunan pada kali ini lebih bermakna lagi kerana Parti kita menyambut tahun kedewasaan yang ke-25. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada anda semua kerana begitu setia untuk mendokong kepimpinan dan perjuangan Parti Bersatu Sabah (PBS).

2. Perjuangan kita belum selesai. Perjalanan masih jauh dan banyak lagi agenda yang kita perlu perjuangkan dan pertahankan. Kita perlu sentiasa beringat bahawa perjalanan yang kita tempuhi dan bakal ditempuhi adalah perjalanan berbatu, sakit dan sukar. Namun kita harus tetap berdiri dan memperkasakan parti demi perjuangan untuk negeri Sabah dan generasi yang akan datang.

1PBS

3. Bagaimanakah kita memperkasakan Parti yang tercinta ini? Jawapannya mudah tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Kita hendaklah memastikan agar sokongan terhadap parti ini bertambah dan dalam masa yang sama mendidik para ahli kita untuk mengenal perjuangan PBS. Itulah sebabnya pada ulang tahun parti yang ke-25 ini, telah dilancarkan satu projek yang dipanggil 1PBS. Projek ini bertujuan untuk menambahkan keahlian parti disamping mengemas kini keahlian PBS. Saya menyeru para pemimpin di peringkat cawangan agar

mengambil serius terhadap perkara ini dan mengambil tahu mengenai keahlian para penyokong kita di peringkat cawangan masing-masing.

Tuan-tuan dan puan-puan perwakilan sekalian,

4. Adalah amat penting kita bekerjasama untuk menjayakan projek 1PBS ini. Kita mensasarkan pertambahan ahli sebanyak 100% daripada keahlian sedia ada. Jika terdapat 100 ribu keahlian dalam PBS pada tahun lalu, maka kita hendaklah melipatgandakan keahlian tersebut kepada 200 ribu menjelang kongres pada tahun ini yang dijangkakan pada bulan Oktober nanti. Kita perlu bekerja keras dan mengambil bahagian dalam proses mendapatkan ahli baru. Pertambahan ahli dalam sesuatu parti adalah amat penting demi mengukuhkan suara kita. Parti yang kuat adalah parti yang besar daripada segi keahliannya.

5. Saya ingin menyeru para pemimpin dan perwakilan yang ada pada hari ini agar tidak menjadi lembah atau meninggalkan perjuangan dalam PBS. Memanglah kita akui masih banyak perkara yang kita perlu perbaiki tetapi saya melihat bahawa tidak ada parti lain yang mampu mengerti aspirasi sebenar rakyat Sabah selain daripada PBS. Kita mahu menjaga maruah dan hak setiap RAKYAT SABAH tidak kira bangsa, agama dan keturunan.

1Malaysia

6. Suka juga saya mengingatkan di sini bahawa kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan YAB Datuk Seri Najib Tun Razak adalah sebuah kerajaan yang prihatin. Sejak memegang tampuk pentadbiran negara, beliau tiada hentinya mencari penyelesaian bagi pelbagai persoalan dan kemusykilan yang diutarakan oleh segenap lapisan masyarakat. Perkara-perkara tersebut termasuklah hal kesaksamaan, pembangunan, kestabilan ekonomi, hubungan serantau dan lain-lain lagi. Perdana Menteri ini adalah seorang yang amat prihatin dan secara jujurnya ingin melihat negara ini maju dan kemajuan ini pula

dirasai dan dikongsi oleh semua lapisan masyarakat termasuk kita yang berada di Sabah dan Sarawak.

7. Oleh sebab itulah beliau telah memperkenalkan gagasan 1Malaysia yang menekankan kesaksamaan, sikap saling membantu dan saling menghormati antara satu dengan yang lain. Dalam kerangka yang sama, YAB Perdana Menteri turut memperkenalkan konsep mengukur prestasi kerajaan, ahli pentadbiran dan para penjawat awam dalam tempoh memegang jawatan. Inilah yang kita panggil sebagai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Petunjuk Prestasi Utama Negara (NKPI).

8. Sebagai makluman tuan-tuan, puan-puan dan siding hadirin sekalian, terdapat enam (6) NKRA yang telah digariskan oleh kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri. Antaranya ialah meningkatkan access (kesempaan) terhadap pendidikan yang berkualiti, memperbaiki kemudahan asas di luar Bandar, meningkatkan pendapatan di kalangan isirumah miskin, mengurangkan indeks jenayah, memerangi rasuah dan memperbaiki sistem pengangkutan di Bandar dan luar Bandar.

9. Daripada enam (6) NKRA tersebut, sekurang-kurangnya tiga yang begitu relevan kepada kita di negeri Sabah. Memang kita mengharapkan agar kemudahan pendidikan dapat diperbaiki, peningkatan jumlah dan kualiti infrastruktur asas di luar Bandar serta peningkatan pendapatan isi rumah miskin kelihatan dengan lebih jelas. Kerajaan sedang dalam usaha untuk melaksanakan apa yang sepatutnya di terima oleh negeri Sabah. Saya boleh katakan bahawa Sabah dan Sarawak diberikan tumpuan pembangunan dalam dua tahun mendatang ini.

Isu-isu Semasa

10. Dalam kita membincangkan perkara-perkara penting mengenai pembangunan, tidak bermakna isu-isu penting dan masih perlu diberi perhatian kita ketepikan. Saudara, saudari, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, isu-isu lain seperti PTI dan hal pemilikan tanah adat (NCR) masih dekat di hati PBS. Kita akan terus memperjuangkan perkara-perkara ini. Kita belum bosan lagi memperkatakan perkara ini mengikut saluran yang sepatutnya sehingga kita melihat tindakan penyelesaian yang positif daripada pihak kerajaan. Di peringkat ibu pejabat PBS, kita juga sedang dalam rangka untuk menentukan sasaran penyelesaian mengenai isu-isu ini berdasarkan tempoh (time frame) atau cadangan tindakan yang boleh diambil oleh pihak kerajaan.

Tuan-tuan, puan-puan dan sidang haridirn sekalian ,

11. Mengimbau pencapaian kita di daerah ini dan kawasan N5 Tandek khususnya, kita telah berjaya mengorak langkah walaupun perlahan. Sebahagian besar daripada perkara yang kita sebutkan semasa pilihanraya yang lalu telah dan sedang dilaksanakan. Ini termasuklah pembinaan jalan marak-parak ke ranau, pembinaan jalan gana, pemberian rumah-rumah kepada golongan miskin tegar dan bantuan-bantuan ekonomi kepada golongan yang layak. Masih banyak yang perlu kita lakukan bagi daerah dan kawasan ini tetapi saya yakin kita boleh mencapai sasaran yang kita tetapkan sekiranya kita terus bersatu dan melakukan tanggungjawab masing-masing.

12. Adalah penting untuk kita semua mengambil bahagian dalam program-program parti. Saya ingin melihat agar ketua- ketua cawangan bergerak dengan lebih aktif dan rajin untuk memperhatikan ahli-ahlinya di peringkat cawangan. Di samping itu, kita janganlah lupa untuk bersikap baik dan bekerjasama dengan komponen parti yang lain demi memelihara keharmonian dalam BN.

Kesimpulan

13. Akhir sekali saudara-saudari para perwakilan, saya tidak mahu tertinggal untuk menyebut perkara mengenai pendidikan di kalangan anak-anak kita. Sebagai ibubapa yang bertanggungjawab, saya ingin menyeru agar kita semua memberikan keutamaan yang 'premium' terhadap pencapaian anak-anak dalam pendidikan. Sejarah telah membuktikan bahawa pendidikanlah yang mengubah tamadun manusia. Marilah kita sama-sama memperhatikan perkara ini dan lebih serius dalam membantu dan mengambil tahu mengenai pencapaian anak-anak. Saya masih ingat apa yang telah saya katakan sejak menjadi wakil rakyat di kawasan ini. Saya ingin melihat setiap keluarga mempunyai seorang anak yang memasuki universiti atau sekurang-kurangnya seorang graduan bagi setiap kampung. Saya percaya, kita telah mencapai sedikit sebanyak daripada sasaran tersebut tetapi masih banyak lagi yang kita perlu lakukan. Kemajuan bangsa dan rakyat negeri Sabah amnya bergantung banyak terhadap kesedaran pendidikan di kalangan ibu bapa.

14. Kita tidak boleh ketinggalan dalam perkara ini kerana pendidikanlah yang memberikan kita kesedaran mengenai maruah dan hak kita. Jika kita masih leka, maka bersedialah kita untuk 'dijajah' selamanya dan dipinggirkan dalam arus perubahan yang tidak dapat dielakkan. Dunia kita sekarang adalah dunia yang 'terbuka' dan tiada sempadan. Kita dipaksa untuk menerima dan melalui sesuatu yang 'asing'. Oleh itu, kita perlu berubah mengikut perubahan zaman ini. Jika kita tidak bertindakbalas mengikut tuntutan dan kehendak dalam zaman ini, maka kita bakal 'dipijak' dan dilupakan. Marilah kita bangkit bersama untuk lebih matang dan menyedari kekurangan-kekurangan yang perlu diperbaiki.

Akhir kata, selamat bersidang dan semoga maju jaya.

Bersatu! Bersatu! Bersatu!

